



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
02 September 2025



BH Selasa, 2 September 2025

Nasional

13



Abdul Rahman bergambar bersama kontinjen negara dan pemenang pingat pada Majlis Sambutan Kontinjen WorldSkills ASEAN Manila 2025 di Sepang.

(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

Malaysia johan keseluruhan WorldSkills ASEAN Manila 2025

Negara raih pencapaian tertinggi bolot 13 pingat emas, empat perak dan tiga gangsa

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Sepang: Malaysia mengungguli pentas kemahiran serantau apabila dinobatkan sebagai johan keseluruhan di WorldSkills ASEAN Manila 2025, menewaskan 10 negara ASEAN lain termasuk tuan rumah, Filipina yang berada di tempat kedua.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, berkata ini adalah satu pencapaian tertinggi bagi negara kerana kontinjen berjaya meraih 13 pingat emas, empat perak dan tiga gangsa serta dua Medallion for Excellence.

Katanya, sejak mula menyertai acara itu pada 1995, Malaysia menunjukkan prestasi konsisten di pentas serantau dan antarabangsa, sekali gus membuktikan pendidikan dan latihan kemahiran bukanlah kelas ketiga.

"Sebaliknya ia diiktiraf sebagai bidang bertaraf dunia yang mampu melahirkan tenaga kerja berkualiti tinggi serta menjadi satu platform untuk mereka

menonjolkan bakat dan bersaing secara sihat dengan negara lain.

"Dalam masa yang sama, galakan daripada pemimpin tertinggi seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuklah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (MTVET) juga menjadi antara faktor kepada kejayaan ini," katanya, di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas merasmikan Majlis Sambutan Kontinjen WorldSkills ASEAN Manila 2025, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Manusia, Datuk Azman Mohd Yusof dan KSU Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Azman Ibrahim.

Pada pertandingan edisi ke-14 WorldSkills ASEAN Manila 2025, Malaysia menghantar 37 peserta dan 30 pakar dalam 23 bidang kemahiran yang berlangsung pada 21 hingga 31 Ogos di Pusat Perdagangan Dunia Manila.

Deдах belia bidang TVET

Abdul Rahman berkata, penyertaan peserta kepada pertandingan seperti itu secara langsung mendedahkan belia bahawa bidang TVET penting kepada ekonomi negara, menunjukkan tahap kemahiran dan daya saing anak muda pada peringkat serantau.

"Ia sejajar dengan usaha kerajaan untuk melahirkan tenaga

Penyertaan peserta kepada pertandingan seperti itu secara langsung mendedahkan belia bahawa bidang TVET penting kepada ekonomi negara, menunjukkan tahap kemahiran dan daya saing anak muda pada peringkat serantau



Abdul Rahman Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia

kerja berkemahiran tinggi selari dengan Dasar TVET Negara, membuka peluang belia menonjolkan bakat serta membina jaringan antarabangsa dalam bidang kemahiran.

"Sepanjang saya berada di lokasi pertandingan, saya dapat melihat kesungguhan, ketekunan dan ketelitian peserta sehingga kami yang berada di luar pun mereka tidak pandang.

"Jadi saya percaya daripada kesungguhan dan etika kerja mereka itulah yang menyebabkan mereka boleh menyalakan obor kemenangan buat negara kita," katanya sambil menyatakan mereka boleh menjadi ikon kepada generasi muda menceburi bidang kemahiran.

Susulan kejayaan itu, beliau

berkata kerajaan bercadang untuk menghantar pemenang yang cemerlang menyertai pertandingan WorldSkills Asia Taipei 2025 pada November nanti, namun ia memerlukan dana yang besar.

Perkukuh ekosistem latihan

"Jika berada dalam bidang robotik, mobil, automotif sudah pasti ia memerlukan perbelanjaan tinggi untuk latihan kerana peralatannya perlulah mengikut peredaran semasa dan bersedia untuk pertandingan seterusnya.

"Bagaimanapun, kami akan terus memperkukuhkan ekosistem latihan kemahiran negara melalui peningkatan infrastruktur, latihan tenaga pengajar serta kolaborasi strategik bersama



Lam Kar Chun menunjukkan pingat yang dimenangi.

industri dan negara luar.

"Kementerian Sumber Manusia akan terus menyokong penyertaan negara dalam pertandingan antarabangsa dan mempromosikan TVET sebagai Pilihan Utama Kerjaya," katanya.

Sementara itu, pemenang Anugerah Best of Nation, Lam Kar Chun, 20, menyifatkan kejayaannya adalah melalui sikap berdisiplin dan melakukan banyak latihan untuk memastikan dapat memperbaiki sebarang kesilapan.

"Dalam masa yang sama, sokongan daripada keluarga, rakan, jurulatih dan peserta daripada bidang lain serta pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) membantu saya dalam meraih kejayaan ini," katanya.

Carsome Academy dinobatkan TVET terbaik 2025

SHAH ALAM - Cabang pendidikan Kumpulan Carsome Inc (Carsome), Carsome Academy menerima pengiktirafan berprestij TVET Centre of Excellence Award (Automotive Technical Education) sempena Malaysia Education & TVET Awards 2025, baru-baru ini.

Pencapaian itu menandakan satu lagi mercu tanda penting dalam usaha Carsome Academy memperkukuh pendidikan dan latihan kemahiran dalam sektor automotif.

Ketua Pegawai Eksekutif Carsome Academy, Teoh Jiun Ee berkata, anugerah tersebut merupakan pengiktirafan terhadap dedikasi tenaga pengajar dan pelajar yang tidak berbelah bahagi.

"Pada masa sama, ia juga sebagai sokongan kepada misi kami untuk memperkasa anak muda Malaysia melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara.

"Ramai graduan kami datang daripada komuniti B40 dan kejayaan mereka membina keyakinan serta kerjaya dalam industri automotif merupakan pencapaian terbesar kami," katanya.

Turut hadir Ketua Pegawai



(Dari kiri) Rajendran, Mustapha, Jiun Ee dan Seng Chee ketika Majlis Anugerah Pendidikan & TVET Malaysia di Hotel Berjaya Times Square Kuala Lumpur.

Eksekutif Malaysia Education & TVET Awards, Datuk R Rajendran; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts Mustapha Sakmud dan Pengarang Urusan penerbitan Education + TVET Asia, Lee Seng Chee.

Jiun Ee yang juga Pengasas Bersama Kumpulan Carsome berkata, pengiktirafan itu membuktikan komitmen dalam menyokong aspirasi Malaysia untuk membangunkan tenaga kerja mahir yang akan memacu masa depan industri automotif.

Anugerah dianjurkan penerbitan diluluskan Kementerian Dalam Negeri, Education + TVET Asia itu bertujuan menghargai institusi pendidikan TVET yang menunjukkan kecemerlangan dan menyokong agenda nasional TVET Malaysia ke arah melahirkan tenaga kerja mahir sejajar dengan aspirasi Ekonomi Madani.

Sebagai institusi TVET diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran dan penyedia latihan bertauliah oleh Pembangunan Sumber Manusia Bhd, Carsome

Academy menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang teknologi automotif dengan pendekatan 30 peratus teori serta 70 peratus latihan praktikal.

Melalui latihan di lebih 100 lokasi rakan industri, pelajar didedahkan dengan pengalaman praktikal mencerminkan situasi sebenar dalam industri automotif.

Selain pendedahan industri, pelajar juga menerima tiga sijil diiktiraf industri iaitu Sijil Kemahiran Carsome, Sijil

Kemahiran Insaniah Carsome Academy dan SKM yang akan memperkukuh peluang kerjaya mereka.

Selain latihan teknikal, Carsome Academy turut menekankan pembangunan menyeluruh dengan melengkapkan pelajar melalui kursus kemahiran insaniah.

Akademi berkenaan juga menawarkan latihan berkaitan kenderaan elektrik (EV), program komuniti Car Care 101 yang bertujuan memperkasakan wanita, pelajar universiti, pekerja gig serta kursus keselamatan jalan raya.

Bagi menyokong usaha tersebut, Carsome Academy menyediakan biasiswa dan bantuan kewangan dengan kerjasama Yayasan Hasanah, Yayasan Menteri Besar Selangor dan Yayasan Raja Muda Selangor.

Sejak penubuhannya pada 2021, Carsome Academy berjaya melatih lebih 8,000 pelajar dan melahirkan graduan yang diiktiraf industri.

Dengan kadar penempatan kerja mencecah 95 peratus dalam tempoh tiga bulan selepas tamat pengajian dan lebih 92 peratus daripada jumlah itu datang daripada golongan B40.